

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN MODUL *BOROS MAAN* BERASASKAN MULTIMEDIA INTERAKTIF TERHADAP PENCAPAIAN MURID DALAM KOSA KATA

THE EFFECTIVENESS OF INTERACTIVE MULTIMEDIA-BASED *BOROS MAAN* LEARNING MODULE OVER STUDENT VOCABULARY

Tracy Valerian ^{*1}, Norjietta Binti Taisin ², Pujiati Suyata ³

¹ Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: tracyvalerian03@gmail.com

² Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: norjietta@fbk.upsi.edu.my

³ Faculty of Languages, FKIP Campus 4 Ahmad Dahlan University Yogyakarta, Indonesia.

Email: : pujiati.suyata@mp.uad.ac.id

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/99>

Abstract

Vocabulary is a very important element in learning the Kadazandusun language. Without sufficient vocabulary, students will not only have the difficulty to understand the language either in written text or when communicating during the Kadazandusun Language teaching and learning session, but will also have difficulty in mastering other language skills. Therefore, this study was conducted to study the effectiveness of interactive multimedia based *boros maan* modules on student vocabulary accessibility. This study was a quasi-experimental study. Quantitative approaches are used in conjunction with pre- and post-test instruments. A total of 20 Year Four pupils at a school in Tambunan district were sampled for this study. The mean of the post-test was 8.15. Implications of the study show that using a multimedia interface based on interactive multimedia can serve as a platform for students to learn vocabulary and can help teachers to add teaching aids to Kadazandusun subjects. In conclusion, interactive multimedia based wasteful modules have a positive effect as vocabulary learning tools.

Keywords: Vocabulary, multimedia, Kadazandusun, *boros maan*, module.

Abstrak

Kosa kata atau perbendaharaan kata merupakan elemen yang sangat penting dalam mempelajari Bahasa Kadazandusun. Tanpa kosa kata yang mencukupi, murid bukan sahaja akan mengalami masalah dalam memahami bahasa tersebut sama ada dalam bentuk teks bertulis atau ketika hendak berkomunikasi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun, malah akan mengalami masalah untuk menguasai kemahiran bahasa yang lain. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif terhadap kebolehcapaian murid dalam kosa kata. Kajian ini adalah kajian kuasi eksperimen. Pendekatan kuantitatif digunakan bersama dengan instrumen pra dan pasca ujian. Sejumlah 20 murid Tahun Empat di sebuah sekolah di Daerah Tambunan telah menjadi sampel untuk kajian ini.. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian kosa kata murid sebelum dan selepas guru menggunakan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif dengan nilai min ujian pra 3.05 dan min bagi ujian pasca pula 8.15. Implikasi kajian menunjukkan menggunakan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif boleh menjadi landasan murid untuk mempelajari kosa kata dan dapat membantu guru menambah bahan bantu mengajar bagi mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Kesimpulannya, modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif mempunyai kesan yang positif sebagai alat pembelajaran kosa kata.

Kata Kunci: Kosa kata, multimedia, Bahasa Kadazandusun, *boros maan*, modul.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 15th June 2020, revised 10th July 2020, accepted 22nd July 2020

Pengenalan

Bahasa merupakan alat untuk menyampaikan kehendak, emosi, keinginan, gagasan, pengetahuan dan juga untuk mendapatkan maklumat. Bahasa sangat penting dalam proses sosialisasi dan ketika berkomunikasi. Menurut Ramlan (2018)¹, bahasa juga merupakan penanda simbolik yang membezakan siapa yang termasuk dan siapa yang tidak termasuk dalam masyarakat tutur suatu bahasa. Pada tahun 1997, Bahasa Kadazandusun mula mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Percubaan pengajaran Bahasa Kadazandusun dimulakan dengan murid Tahun 4 di 5 buah sekolah seluruh Sabah. Setiap sekolah menghantar wakil sekurang-kurangnya 15 orang guru untuk diberikan latihan oleh Jabatan Pendidikan Negeri untuk melaksanakan pengajaran Bahasa Kadazandusun. Bermula tahun 1998, pengajaran Bahasa Kadazandusun telah diperluaskan di 147 buah sekolah rendah oleh Jabatan Pendidikan Negeri bagi murid Tahun 4 di mana Pusat Perkembangan Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab dalam belanjawan yang diperlukan untuk mengendali pengajaran tersebut. Walau bagaimanapun, Bahasa Kadazandusun mula ditawarkan dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2010 dan bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2011 oleh Kementerian Pelajaran.

Pengintegrasian teknologi multimedia di dalam bilik darjah amat ditekankan pada pembelajaran abad ke-21 ini sejajar dengan kepesatan teknologi pada masa kini. Justeru, pendidik memainkan peranan yang penting dalam merancang aktiviti pembelajaran dan menggunakan bahan bantu belajar yang inovatif supaya dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Tambahan pula, penghasilan ABBM yang menarik dan sesuai dari pendidik dapat menjana idea yang bernas untuk menentukan aktiviti yang lebih kreatif semasa proses PdP (Zainal Abiden, 2010)². Teknologi multimedia turut dikatakan mampu merubah cara seseorang itu belajar dan cara memperolehi maklumat. Hal ini disebabkan penggunaan teknologi multimedia boleh meransang dan memotivasikan murid untuk belajar dengan baik dan berkesan (Kamarul Azman, 2011)³. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat keberkesanan modul pembelajaran berasaskan multimedia interaktif terhadap pembentukan kosa kata murid dalam Bahasa Kadazandusun.

Modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif tersebut merupakan satu bahan pembelajaran yang akan digunakan di dalam bilik darjah untuk meningkatkan pencapaian kosa kata murid. Tambahan pula, kajian ini juga bertujuan untuk menunjukkan sama ada penggunaan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif yang disediakan oleh pengkaji dapat meningkatkan pencapaian kosa kata murid sebelum mereka menggunakan modul pembelajaran tersebut dan selain itu juga untuk merancang pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi multimedia selaras dengan aspirasi ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), iaitu memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan menggunakan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif dalam pencapaian kosa kata murid Tahun Empat.

Objektif Kajian

Mengenal pasti perbezaan min dan sisihan piawai pencapaian murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas guru menggunakan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Soalan Kajian

Khususnya kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan berikut:

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan min pencapaian murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas guru menggunakan modul pembelajaran berasaskan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran?

Hipotesis

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pencapaian murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun sebelum (ujian pra) dan selepas (ujian pasca) guru menggunakan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Metodologi

Dalam konteks kajian, reka bentuk kajian kuantitatif berasaskan kaedah quazi eksperimen dengan menggunakan ujian pra dan ujian pasca digunakan. Reka bentuk kajian kuantitatif dijalankan untuk mendapatkan data dalam bentuk angka atau *numerical* yang boleh diterjemahkan dalam bentuk penganalisan sistematik untuk melihat keputusannya (Fraenkel & Wallen, 2012)⁴. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai kesan modul *boros maan* berasaskan multimedia terhadap pencapaian murid dalam kosa kata. Analisis data berdasarkan gred dan skor markah mengikut peratus yang dikategorikan mengikut pencapaian seperti berikut:

Jadual 1

Gred dan markah di sekolah Malaysia

Gred	Markah (%)
A	80-100
B	65-79
C	50-64
D	40-49
E	0-39

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016)⁵

Untuk mendapatkan indeks kebolehppercayaan instrumen, pengkaji terlebih dahulu telah menjalankan kajian rintis dengan menggunakan lembaran kerja berdasarkan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif. Pengkaji telah datang ke sekolah tersebut dan berjumpa dengan guru besar sekolah bagi meminta kebenaran menjalankan kajian rintis tersebut dan selepas itu berjumpa penolong kanan serta ketua panitia subjek Bahasa Kadazandusun. Guru subjek berkenaan melaksanakan pengajaran tersebut berdasarkan langkah-langkah pengajaran yang telah disediakan dan menggunakan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif. Seramai 20 orang murid telah mengikuti ujian pra dan ujian pasca.

Soalan-soalan lembaran kerja iaitu ujian pra dan ujian pasca telah dibina selaras dengan tajuk pengajaran iaitu Tajuk: *Boros Maan Transitif*. Sampel kajian mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran selama enam minggu.

Dapatan Kajian


Jadual 2

Markah ujian pra dan ujian pasca bagi murid

Murid	Markah ujian pra	Gred	Markah ujian pasca	Gred
1	44%	D	100%	A
2	56%	C	89%	A
3	0%	E	56%	C
4	44%	D	89%	A
5	44%	D	56%	C

6	22%	E	100%	A
7	56%	C	100%	A
8	33%	E	100%	A
9	44%	D	100%	A
10	44%	D	89%	A
11	33%	E	100%	A
12	22%	E	100%	A
13	22%	E	100%	A
14	22%	E	78%	B
15	11%	E	67%	B
16	44%	D	89%	A
17	33%	E	100%	A
18	56%	C	100%	A
19	22%	E	100%	A
20	22%	E	100%	A
Min	3.05		8.15	
SP	1.395		1.348	

Jadual 2 menunjukkan julat skor bagi ujian pra dan ujian pasca. Maklumat yang diperolehi dari jadual ini menunjukkan daripada 20 orang murid hanya tiga orang mendapat skor 56% iaitu pada gred C dan enam orang mendapat skor 44% iaitu gred E pada ujian pra. Selebihnya pula belum mencapai tahap minimum dengan skor 0-39% dan min bagi ujian pra adalah 3.05 (SP=1.395). Walau bagaimanapun, murid mula menunjukkan peningkatan yang sangat tinggi pada ujian pasca di mana 16 orang murid mendapat skor 89% dan 100% iaitu gred A dan dua orang murid pula pada tahap pencapaian yang baik iaitu gred B dengan skor 67% dan 78%. Hanya dua orang murid sahaja yang berada pada tahap pencapaian memuaskan dan min bagi ujian pasca adalah tinggi iaitu 8.15 (SP=1.348).Rajah 1 menunjukkan lagi dengan jelas peningkatan yang berlaku pada ujian pasca bagi murid yang menggunakan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif sebagai bahan pembelajaran.



Gambarajah 1: Skor Keseluruhan Ujian Pra dan Ujian Pasca Murid

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pencapaian murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun sebelum (ujian pra) dan selepas (ujian pasca) guru menggunakan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 3

Analisis Ujian-T bagi kumpulan eksperimen dalam kosa kata bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas guru menggunakan modul boros maan berasaskan multimedia interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran

Ujian	N	Min	sp	-t	P
Pra	20	3.05	1.395	9.781	.000
Pasca	20	8.15	1.348		

Jadual 3 menunjukkan bahawa perbezaan min ujian pra dan ujian pasca murid adalah besar iaitu 5.1. Sisihan piawai bagi ujian pra adalah 1.395 dan sisihan piawai bagi ujian pasca pula adalah 1.348. Nilai t bagi perbandingan sampel kedua-dua ujian pra dan pasca murid ialah 9.781 dan nilai p adalah .00. Berdasarkan $p < 0.05$, nilai $p = .00$ adalah signifikan pada alpha 0.05 atau pada aras keyakinan 95 peratus. Kesimpulan hipotesis H_0 yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas guru menggunakan Modul Boros Maan berasaskan multimedia interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran ditolak. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan markah murid bagi ujian pra dan ujian pasca.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis data dapat dikatakan bahawa modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif menyumbang kepada peningkatan pencapaian kosa kata murid. Secara keseluruhannya, penggunaan modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif dalam PdP BKD mempunyai kesan yang positif dalam pembelajaran kosa kata selain dapat menggalakkan penglibatan murid di dalam kelas (Kalaiselvi Shanmugam, 2020)⁶. Oleh itu, golongan pendidik seharusnya mengambil peluang ini untuk mempertingkatkan kemahiran dengan mengasah bakat bagi merealisasikan penggunaan modul pembelajaran berasaskan multimedia interaktif dalam proses PdP Bahasa Kadazandusun seiring dengan zaman digital. Dengan itu, murid juga akan memperoleh manfaat menerusi penggunaan modul tersebut dalam pembelajaran mereka kerana penggunaan elemen-elemen yang ada dalam multimedia mampu memberikan impak yang signifikan kepada mereka.

Rujukan:

1. Ramlan. (2018). Language standardization in general point of view. *Budapest International Research and Critics Institute – Journal (BIRCI-Journal) Volume I*: 27-33.
2. Noordin, H. S., & Zainal Abiden, N. F. (2010). *Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Bakal Guru Fizik Semasa Latihan Mengajar*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
3. Sharifah Nor Puteh. & Kamarul Azman Abd Salam. (2011). Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1)(2011): 25-34

4. Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2015). *How to design and evaluate research in education*. Ninth edition. New York, NY: McGraw-Hill Education.
5. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
6. Shanmugam, K., & Balakrishnan, B. (2020). Microsoft power point as a presentation tool for teaching and facilitating science in rural Tamil schools in Perak [Perisian microsoft power point sebagai peranti persembahan semasa pdpc sains di SJK(T) luar bandar di negeri Perak]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(1), 49-65. <https://doi.org/10.33306/mjssh/55>